

SERAI SULTAN
Sultan Tit

FAMILI: Paridae
NAMA SAINTIFIK: *Melanochlora sultanea*

CIRI-CIRI

Burung ini amat menarik kerana mempunyai ekor yang panjang dan hampir keseluruhan badannya berwarna kehitaman. Manakala bahagian jambul, dada hinggalah ke bahagian bawah tongkeng pula berwarna kuning. Bagi burung betina, warnanya adalah lebih pudar berbanding burung jantan manakala bagi juvenil, diperhatikan bahawa ianya mempunyai jambul yang lebih pendek. Pada keseluruhannya, burung ini adalah burung yang bersaiz besar dengan ukuran di antara 19 sm-21 sm.

MAKANAN

Ia memakan serangga, biji-bijian dan buah-buahan kecil.

HABITAT

Burung ini pada kebiasaannya boleh ditemui di kawasan-kawasan seperti di hutan dipterokap, kawasan hutan tinggi dan ianya boleh ditemui sehingga ketinggian 1,680 m dari paras laut. Di Thailand dan Semenanjung Malaysia, ia boleh dijumpai di bawah 1,200 m dari paras laut.

BUNYI

Burung ini ditemui dalam kumpulan yang kecil dan sering terbang di atas kanopi pokok. Ianya mengeluarkan bunyi yang kuat dan jelas *piu-piu-piu-piu...*

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi burung ini adalah dari Mac hingga Julai pada setiap tahun. Burung ini menjadikan lubang dan rongga pada pokok sebagai sarang pada ketinggian sehingga 15 m dari paras tanah. Burung ini menghasilkan 5-7 biji telur dan saiz setiap satunya adalah 21.7 mm x 16.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.